

15 JUN 2004

NAM-MAJLIS

MAHATHIR Pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa Majlis Perniagaan
NAM

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir

Mohamad telah dilantik sebagai pengerusi Panel Penasihat Antarabangsa

Majlis Perniagaan NAM mulai hari ini, kata setiausaha agung majlis itu,

Datuk Dr Michael Yeoh.

Yeoh, yang merupakan pengarah dan ketua eksekutif Institut Strategi dan

Kepimpinan Asia (ASLI) berkata, Majlis Perniagaan NAM terdiri daripada

Lembaga Pengarah, Panel Penasihat Antarabangsa dan Lembaga Pengurusan dan

Sekretariat Tetap.

Sebuah Panel Penasihat Antarabangsa dengan keanggotaan tidak melebihi

25 orang telah dibentuk terdiri daripada bekas negarawan dan pakar serta

tokoh-tokoh perniagaan dan akademik dari negara-negara anggota Pergerakan

Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Ahli-ahli Panel Penasihat Antarabangsa lain termasuklah Wakil Tetap

Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pengerusi Biro Penyelarasan NAM, Datuk Rastam Mohd Isa; presiden Persekutuan Dewan Perniagaan dan Industri India, Y K Modi; pengarah Institut Kajian Asia

Tenggara, Singapura, K. Kesavapany; pengarah eksekutif Institut Kajian Masa

Depan bagi Pembangunan Thailand, Dr Priengsak Chareonwongsak; dan bakal

presiden, Konfederasi Industri India, Sunit Kant Munjal.

Majlis itu akan dikendalikan oleh Sekretariat Tetap yang terdiri daripada Lembaga Pengurusan dan Pejabat Setiausaha Agung.

Presiden Persatuan Selatan-Selatan Malaysia, Tan Sri Azman Hashim,

telah dilantik sebagai presiden majlis yang baru dilancarkan itu.

Jose Concepcion, bekas presiden, Dewan Perniagaan dan Industri Asean,

Filipina telah dilantik sebagai salah seorang naib presiden majlis itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah mewakili

Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengerusi NAM

melancarkan Majlis Perniagaan itu hari ini.

Acara hari ini juga menyaksikan pelancaran logo dan paparan pernyataan visi dan misi, serta objektif majlis itu, iaitu untuk berusaha menjadi majlis perniagaan perdana dalam mencapai matlamat negara-negara anggota NAM melalui kerjasama antarabangsa yang lebih erat.

Yeoh berkata, majlis itu akan berusaha membincangkan isu-isu penting dan mempertingkatkan inisiatif utama berkaitan pembangunan ekonomi negara-negara anggota NAM, khususnya dari segi kewangan, perdagangan, pelaburan dan teknologi.

"Kita harap dapat menjadi pelengkap kepada inisiatif-inisiatif antarabangsa dan serantau yang lain, dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perkongsian antara kerajaan dan usahawan niaga dalam perdagangan dan pelaburan," katanya. -- BERNAMA

TNS KTC KY AA